

# AMALAN PENGURUSAN JENAZAH DALAM MASYARAKAT MELAYU; ADAT ATAU SUNNAH KAJIAN HADIS NABAWI

*Mohd Khairul Nazif bin Haji Awang Damit*

*Penolong Pensyarah, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Negara Brunei Darussalama*

*Email: [Nazif.damit@unissa.edu.bn](mailto:Nazif.damit@unissa.edu.bn)*

---

## Abstrak

Setiap mukmin sejati mengakui bahawa ajal maut itu adalah satu kepastian bersandarkan firman Allah yang kira-kira bermaksud; *Setiap yang hidup pasti akan merasai mati*. (Surah al-Anbiya': 35). Dari detik si mati menghembuskan nafasnya yang terakhir, keluarga si mati lah yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala urusan penyeggelaraan jenazah tersebut. Tanggungjawab ini bermula dari tempat jenazah meninggal dunia samaada ia di hospital atau rumah sehinggalah selesai jenazah dikebumikan di tanah perkuburan. Permasalahan pada hari ini dalam masyarakat melayu, banyak terdapat kekeliruan dan amalan-amalan yang tidak berlandaskan syariat Islam dan Sunnah Rasulullah dalam pengurusan jenazah. Sehingga ada setengah individu atau institusi ada yang mengambil kesempatan ini untuk menjadikan bidang pengurusan ini sebagai perniagaan. Oleh kerana factor-faktor amalan yang tidak berasas ini, pengurusan yang pada zahirnya perlu disegerakan dan dipermudahkan menjadi sulit, memakan masa yang lama dan membebankan keluarga si mati sehingga terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi. Objektif kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti dua perkara dalam bab pengurusan jenazah iaitu, yang pertama tahap kefahaman masyarakat melayu tentang ilmu pengurusan jenazah bersandarkan hadis Nabawi, kedua kesedaran mengenai amalan-amalan yang tidak bersandarkan kepada Islam dalam penyeggelaraan Jenazah dalam masyarakat melayu. Kajian ini menggunakan metodologi soal selidik untuk mengukur kedua perkara di atas dan ianya dilakukan secara deskriptif. Hasil dari kajian ini telah menunjukkan terdapat ketidakfahaman dalam masyarakat melayu terhadap amalan-amalan pengurusan jenazah yang tidak menepati syariat Islam. Seterusnya kajian ini juga menyatakan bahawa kekeliruan ini berlaku kerana banyak terpengaruh dari adat resam yang telah lama bertapak dan dipraktikkan di kalangan masyarakat melayu dulu dan begitu juga kerana hanya berserah sepenuhnya kepada individu atau institusi tertentu untuk menguruskan jenazah tanpa merujuk hadis-hadis yang sahih dan pendapat ilmuan Islam dalam perkara

ini. Hasil kajian ini diharapkan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat awam untuk memahami ilmu yang sebenar berhubung pengurusan dan penyelenggaraan jenazah samaada dari segi teori atau praktikal seperti yang dituntut oleh syariat Islam.

**Kata kunci:** Jenazah, Masyarakat Melayu, Adat, Sunnah.

## PENDAHULUAN

Setiap mukmin sejati mengakui bahawa ajal maut itu adalah satu kepastian bersandarkan firman Allah yang kira-kira bermaksud; *Setiap yang hidup pasti akan merasai mati*. (Surah al-Anbiya': 35). Dari detik si mati menghembuskan nafasnya yang terakhir, keluarga si mati lah yang bertanggungjawab untuk menguruskan segala urusan penyeggelaraan jenazah tersebut. Tanggungjawab ini bermula dari tempat jenazah meninggal dunia samaada ia di hospital atau rumah sehinggalah selesai jenazah dikebumikan di tanah perkuburan. Permasalahan pada hari ini dalam masyarakat melayu, banyak terdapat kekeliruan dan amalan-amalan yang tidak berlandaskan syariat Islam dan Sunnah Rasulullah dalam pengurusan jenazah. Sehingga ada setengah individu atau institusi ada yang mengambil kesempatan ini untuk menjadikan bidang pengurusan ini sebagai perniagaan. Oleh kerana factor-factor amalan yang tidak berasas ini, pengurusan yang pada zahirnya perlu disegerakan dan dipermudahkan menjadi sulit, memakan masa yang lama dan membebankan keluarga si mati sehingga terpaksa menanggung perbelanjaan yang tinggi.

Objektif kajian ini dibuat adalah untuk mengenal pasti dua perkara dalam bab pengurusan jenazah iaitu, yang pertama tahap kefahaman masyarakat melayu tentang ilmu pengurusan jenazah bersandarkan hadis Nabawi, kedua kesedaran mengenai amalan-amalan yang tidak bersandarkan kepada Islam dalam penyeggelaraan Jenazah dalam masyarakat melayu. Kajian ini menggunakan metodologi soal selidik untuk mengukur kedua perkara di atas dan ianya dilakukan secara deskriptif. Hasil dari kajian ini telah menunjukkan terdapat ketidakfahaman dalam masyarakat melayu terhadap amalan-amalan pengurusan jenazah yang tidak menepati syariat Islam. Seterusnya kajian ini juga menyatakan bahawa kekeliruan ini berlaku kerana banyak terpengaruh dari adat resam yang telah lama bertapak dan dipraktikkan di kalangan masyarakat melayu dulu dan begitu juga kerana hanya berserah sepenuhnya kepada individu atau institusi tertentu untuk menguruskan jenazah tanpa merujuk hadis-hadis yang sahih dan pendapat ilmuan Islam dalam perkara ini.

Hasil kajian ini diharapkan ini sedikit sebanyak dapat membantu masyarakat awam untuk memahami ilmu yang sebenar berhubung pengurusan dan penyelenggaraan jenazah samaada dari segi teori atau praktikal seperti yang dituntut oleh syariat Islam.

### **DEFINISI ADAT**

Menurut Kamus Dewan , adat bermaksud suatu peraturan yang diamalkan secara turun temurun (sejak dahulu kala) di dalam masyarakat sehingga merupakan hukum dan peraturan yang harus dipatuhi. Adat juga didefinisikan sebagai suatu cara yang sudah menjadi kebiasaan.

Etimologi perkataan adat adalah dari Bahasa arab “*Adah*” yang beerti kebiasaan atau sesuatu perbuatan yang dialkukan secara berulang kali lalu menjadi kebiasaan yang tetap. (Jamaluddin , Ms 35)

Kata majmuk adat ialah adat istiadat. Apabila konsep adat dijadikan istilah Melayu perkataan ini boleh disamakan dengan kebudayaan. Konsep adat dalam masyarakat Melayu bukan sahaja bermaksud istiadat atau upacara tetapi termasuk seluruh sistem hidup seperti sistem sosial, kepercayaan dan perundangan.

### **MAKSUD SUNNAH**

Al-Sunnah dari sudut bahasa bermaksud jalan, kelakuan, tabiat, keadaan masa hidup, rupa, ketetapan dan kebiasaan. Dalam pengertian diatas Sunnah dari sudut Bahasa disandarkan kepada sesuatu yang baik dan yang buruk (Ibn Athir, Ms 67)

Dari sudut ilmu fekah, golongan fuqaha mentakrifkan Sunnah sebagai perkara yang telah pasti datangnya dari Rasulullah yang bukan merupakan sesuatu yang wajib. (al-Shaukani, Ms 34) Dalam bidang ilmu usul pula, para ulamak *usuliyyin* seperti Imam Syafie mendefinisikan al-Sunnah sebagai segala sesuatu yang ditetapkan oleh Rasul serta tiada mempunyai sebarang ketentuan dalam alQuran, dimana dalam konteks ini bererti al-Sunnah , ia adalah berlainan dengan al-Kitab Ar-Risalah.

Sementara itu pula dari sudut disiplin ilmu hadith, golongan *muhadithiin* melihat istilah Sunnah sebagai apa yang dikesan dari Nabi samada dari perkataan, perbuatan, persetujuan atau sifat kejadian baginda atau akhlak baginda ataupun yang berkaitan sejarah beliau.

### **PENGERTIAN ADAT YANG BERCANGGAH DENGAN SUNNAH RASULULLAH**

1) Setiap adat yang menentang As-Sunnah (ajaran Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam), baik berupa ucapan atau perbuatan atau aqidah, walaupun bersumber dari ijtihad.

- 2) Setiap amalan adat yang dijadikan niat untuk *ber-taqarrub* (mendekatkan diri) kepada Allah, sedangkan Rasulullah shallallahu ‘alaihi wasallam melarangnya.
- 3) Setiap perkara yang tidak mungkin untuk disyariatkan kecuali dengan *nas* yang sahih, atau didiamkan saja, sementara tidak ada nas atasnya, maka itu terkeluar dari pengertian Sunnah.
- 4) Adat-adat yang bercampur dengan adat orang kafir yang dicampuradukkan dengan ibadah.
- 5) Setiap ibadah yang tidak disebutkan kaifiyahnya (caranya), kecuali terdapat amalan adat tersebut di dalam hadits yang palsu.

## **AMALAN ADAT MASYARAKAT MELAYU DALAM PENGURUSAN JENAZAH**

### **A. Sebelum Orang Meninggal (ketika nazak)**

1. Kepercayaan bahawa syaitan datang kepada orang yang akan meninggal seperti penampilan kedua orang tuanya dengan berpakaian orang Yahudi atau Nasrani, lalu menawarkan kepadanya setiap agama untuk menyesatkannya. Ibnu Hajar Al-Haitsami di dalam Al-Fatawa Al-Haditsiyah berkata menyadur dari perkataan Imam As-Suyuthi: Hal seperti itu tidak ada.
2. Meletakkan mushaf atau buku Surah Yaasin di sisi kepala orang yang akan meninggal.
5. Menghadapkan orang yang akan meninggal ke arah kiblat. Telah diingkari hal ini oleh Sa’id bin Musayyib sebagaimana disebutkan di dalam Al-Muhalla (5/174) dan Imam Malik sebagaimana di dalam Al-Madkhhal (3/229-230). Tidak shahih hadits tentang hal ini.

### **B. Ketika Memandikan Mayat**

1. Meletakkan sepotong roti dan segelas air di tempat memandikan mayit selama tiga hari setelah kematian. (Al-Madkhal 3/276)
2. Menyalakan lampu atau lilin di tempat memandikan mayit selama tiga malam, sejak terbenam matahari sampai terbitnya. Pada sebagian mereka selama tujuh malam. Pada sebagian yang lain lebih dari itu. Dan mereka melakukan hal ini di tempat kematiannya. (Al-Madkhal)

### **C. Ketika Mengkafani dan Membawa Keluar Jenazah**

1. Meletakkan imamah di atas kayu. Ibnu ‘Abidin menegaskan di dalam Al-Hasyiyah (1/806) tentang makruhnya hal ini dan yang sebelumnya
2. Membawa batu kecil, bunga-bunga dan gambar simati bersama jenazah.
3. Keyakinan sebagian mereka bahwa apabila jenazah itu adalah dari orang yang soleh maka akan menjadi ringan kerandanya mengikut banyaknya pahala simati.

#### D. Kenduri Arwah

Keluarga si mati akan mengadakan ritual kenduri untuk arwah dengan bacaan doa tertentu. Surah Yassin juga akan dibaca dengan dihadiri tekong tahlilan arwah bagi mengisi perut tetamu yang hadir dengan juadah makanan walaupun keadaan ketika itu adalah susah dan terpaksa. Kenduri arwah ini juga akan diadakan selama 7 hari, 40 hari dan 100 hari atas kepercayaan agar mayat tidak disiksa dan tidak disoal ketika di dalam kubur.

#### AMALAN SUNNAH RASULULLAH DALAM PENGURUSAN JENAZAH

##### A. Ketika baru meninggal

• Dianjurkan memejamkan mata orang yang baru meninggal dunia  
Dalil hadits dari Ummu Salamah Hindun bintu Abi Umayyah *radhiallahu 'anha*, ia mengatakan:

دخل رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَى أَبِي سَلَمَةَ وَقَدْ شَقَّ بَصْرَهُ . فَأَغْمَضَهُ . ثُمَّ قَالَ إِنَّ الرُّوحَ إِذَا قُبِضَ  
تَبِعَهُ البَصْرُ

“*Rasulullah shalallahu 'alaihi wa salam ketika mendatangi Abu Salamah yang telah meninggal, ketika itu kedua matanya terbuka. Maka Nabi shalallahu 'alaihi wa salam pun memejamkan kedua mata Abu Salamah dan bersabda: “Sesungguhnya bila ruh telah dicabut, maka pandangan matanya mengikutinya”* (HR. Muslim no. 920).

Ulama ijma bahwa memejamkan mata mayit hukumnya sunnah.

Ketika memejamkan mata jenazah tidak ada dzikir atau doa tertentu yang berdasarkan dalil yang shahih.

- Mendo'akan kebaikan kepada mayit

Rasulullah *shalallahu 'alaihi wa sallam* setelah memejamkan mata Abu Salamah, beliau berdo'a:

اللهم اغفر لأبي سلمة وارفع درجته في المهديين واخلفه في عقبه في الغابرين واغفر لنا وله يا  
رب العالمين وافسح له في قبره ونور له فيه

“*Ya Allah ampunilah Abu Salamah, angkatlah derajatnya dan jadikan ia termasuk orang-orang yang mendapatkan petunjuk, dan berilah ganti yang lebih baik bagi anak keturunannya, dan ampunilah kami dan dia wahai Rabb semesta alam, luaskanlah kuburnya dan terangilah”* (HR. Muslim no. 920).

- Mengikat dagunya agar tidak terbuka

Syaikh Abdullah bin Jibrin *rahimahullah* mengatakan:

و شد لحييه] و ذلك مخافة أن يبقى فمه مفتوحا حالة غسله و حالة تجهيزه فيشد حتى ينطبق فمه مع  
[أسنانه]

“Ketika mayit meninggal [ditutup mulutnya] yaitu karena dikhawatirkan mulutnya terbuka ketika dimandikan dan ketika dipersiapkan. Sehingga hendaknya ditutup sampai bersatu antara gigi dan mulutnya” (*Ad Durar Al Muhtakirat Syarah Akhsharil Mukhtasharat*, 1/424).

Adapun tata caranya longgar, biasanya dengan menggunakan kain yang lebar dan panjang diikat melingkar dari dagu hinggak ke atas kepalanya, sehingga agar mulutnya tertahan dan tidak bisa terbuka.

- Menutupnya dengan kain

Berdasarkan hadits dari ‘Aisyah *radhiallahu ‘anha*, beliau mengatakan:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حِينَ تُوِّفِّي سَحَّجِي بِيُرْدِ جَبْرَةَ

“*Rasulullah shalallahu ‘alaihi wa sallam ketika beliau wafat, beliau ditutup dengan kain hibrah (sejenis kain Yaman yang bercorak)*” (HR. Bukhari no. 5814, Muslim no. 942).

- Dianjurkan bersegera mempersiapkan mayit untuk dikubur

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu anhu*, bahwasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi Wasallam* bersabda:

أَسْرِعُوا بِالْجَنَازَةِ ، فَإِنَّ تَكُ صَالِحَةً فَخَيْرٌ تُقَدِّمُوهَا ، وَإِنْ يَكُ سَوَى ذَلِكَ ، فَسَرُّ تَضَعُونَهُ عَنْ رِقَابِكُمْ

“*Percepatlah pengurusan jenazah. Jika ia orang yang shalih di antara kalian, maka akan jadi kebaikan baginya jika kalian percepat. Jika ia orang yang bukan demikian, maka keburukan lebih cepat hilang dari pundak-pundak kalian*” (HR. Bukhari no. 1315, Muslim no. 944).

## B. Kaifiyyah memandikan mayat mengikut Sunnah

- Melemaskan persendian mayit

Syaikh Abdullah bin Jibrin mengatakan:

وأما تليين مفاصله فالحكمة في ذلك أن تلين عند الغسل، وذلك بأن يمد يده ثم يثنيتها، ويمد منكبه ثم يثنيه،

وهكذا يفعل بيده الأخرى، وكذلك يفعل برجليه، فيقبض رجله ليشبها ثم يمدها مرتين أو ثلاثاً حتى تلين

عند الغسل

“Adapun melemaskan persendian, hikmahnya untuk memudahkan ketika dimandikan. Caranya dengan merentangkan tangannya lalu ditekuk. Dan direntangkan pundaknya lalu ditekuk. Kemudian pada tangan yang satunya lagi. Demikian juga dilakukan pada kaki. Kakinya pegang lalu ditekuk, kemudian direntangkan, sebanyak dua kali atau tiga kali. Sampai ia mudah

untuk dimandikan” (*Ad Durar Al Mubtakirat Syarah Akhsharil Mukhtasharat*, 1/424).

Dan hendaknya berlaku lembut pada mayit. Karena Rasulullah *shalallahu ‘alaihi wa salam* bersabda:

كَسْرُ عَظْمِ الْمَيِّتِ كَكْسْرِهِ حَيًّا

“Memecah tulang orang yang telah meninggal dunia adalah seperti memecahnya dalam keadaan hidup” (HR. Abu Daud no. 3207, dishahihkan Al Albani dalam Shahih Abu Daud).

- **Melepas pakaian yang melekat di badannya**

Syaikh Abdullah bin Jibrin mengatakan:

وخلع ثيابه) يعني: الثياب التي مات فيها يسن أن تخلع ساعة موته، ويستر برداء أو نحوه

“[Dilepaskan pakaiannya] yaitu pakaian yang dipakai mayit ketika meninggal. Disunnahkan untuk dilepaskan ketika ia baru wafat. Kemudian ditutup dengan rida (kain) atau semisalnya” (*Ad Durar Al Mubtakirat Syarah Akhsharil Mukhtasharat*, 1/424).

Namun orang yang meninggal dunia ketika ihram tidaklah boleh ditutup wajah dan kepalanya, berdasarkan hadits Ibnu Abbas radhiyallahu ‘anhuma di atas.

Cara melepaskan pakaiannya jika memang sulit untuk dilepaskan dengan cara biasa, maka digunting hingga terlepas.

- **Menutup tempat mandi dari pandangan orang banyak**

Syaikh Abdullah bin Jibrin mengatakan:

أن يستر في داخل غرفة مغلقة الأبواب والنوافذ، ولا يراه أحد إلا الذين يتولون تغسيله، ولا يجوز أن يغسل أمام الناس

“Mayat ditutup dalam suatu ruangan yang tertutup pintu dan jendelanya. Sehingga tidak terlihat oleh siapapun kecuali orang yang mengurus pemandian jenazah. Dan tidak boleh dimandikan di hadapan orang-orang banyak” (*Ad Durar Al Mubtakirat Syarah Akhsharil Mukhtasharat*, 1/428).

Kemudian mayit ditutup dengan kain pada bagian auratnya terhadap sesama jenis, yaitu dari pusar hingga lutut bagi laki-laki dan dari dada hingga lutut bagi wanita.

- **Sunnah dalam memandikan jenazah**

Disebutkan dalam *Matan Akhsharil Mukhtasharat*:

نوى وسمى وهما كفي غسل حيٍّ ثم يرفع راس غير حامل إلى قرب جُلوس ويعصر بطنه يرفق ويكثر الماء حينئذٍ ثم يلف على يده خرقة فينجيه بها وحرم مس عورة من لهُ سبع

ثُمَّ يَدْخُلُ اصْبَعِيهِ وَعَلَيْهَا خَرْقَةٌ مَبْلُولَةٌ فِي فَمِهِ فَيَمْسَحُ اسْنَانَهُ وَفِي مَنْخَرَيْهِ فَيَنْظِفُهُمَا بِأَيْدِيهِ مَاءً ثُمَّ يُوَضِّئُهُ وَيَغْسِلُ رَأْسَهُ وَلِحْيَتَهُ بِرَغْوَةِ السِّدْرِ وَبَدَنَهُ بِثَفْلِهِ ثُمَّ يَفِيضُ عَلَيْهِ الْمَاءَ وَسَنَ تَثْلِيثٍ وَتِيَامِنٍ وَأَمْرَارٍ يَدِهِ كُلِّ مَرَّةٍ عَلَى بَطْنِهِ فَإِنْ لَمْ يَنْقُ زَادَ حَتَّى يَنْقَى وَكَرِهَ اقْتِصَارَ عَلَى مَرَّةٍ وَمَاءٍ حَارٍّ وَخَلَالَ وَاشْتَانَ بِأَيْدِيهِ حَاجَةَ وَتَسْرِيحَ شَعْرِهِ

وَسَنَ كَافُورٍ وَسِدْرٍ فِي الْآخِرَةِ وَخَضَابٍ شَعْرٍ وَقَصِّ شَارِبٍ وَتَقْلِيمِ أَظْفَارٍ إِنْ طَالَ

“Berniat dan membaca basmalah, keduanya wajib ketika mandi untuk orang hidup. Kemudian angkat kepalanya jika ia bukan wanita hamil, sampai mendekati posisi duduk. Kemudian tekan-tekan perutnya dengan lembut. Perbanyak aliran air ketika itu, kemudian lapisi tangan dengan kain dan lakukan istinja (cebok) dengannya. Namun diharamkan menyentuh aurat orang yang berusia 7 tahun (atau lebih). Kemudian masukkan kain yang basah dengan jari-jari ke mulutnya lalu gosoklah giginya dan kedua lubang hidungnya. Bersihkan keduanya tanpa memasukkan air. Kemudian lakukanlah wudhu pada mayit. Kemudian cucilah kepalanya dan jenggotnya dengan busa dari daun bidara. Dan juga pada badannya beserta bagian belakangnya. Kemudian siram air padanya. Disunnahkan diulang hingga tiga kali dan disunnahkan juga memulai dari sebelah kanan. Juga disunnahkan melewatkan air pada perutnya dengan tangan. Jika belum bersih diulang terus hingga bersih. Dimakruhkan hanya mencukupkan sekali saja, dan dimakruhkan menggunakan air panas dan juga daun usyan tanpa kebutuhan. Kemudian sisirlah rambutnya dan disunnahkan air kapur barus dan bidara pada siraman terakhir. Disunnahkan menyemir rambutnya dan memotong kumisnya serta memotong kukunya jika panjang”.

- Jika tidak memungkinkan mandi mayat tersebut, maka diganti tayammum

Apabila tidak ada air untuk memandikan mayit, atau dikhawatirkan akan tersayat-sayat tubuhnya jika dimandikan, atau mayat tersebut seorang wanita di tengah-tengah kaum lelaki, sedangkan tidak ada mahramnya atau sebaliknya, maka mayat tersebut di tayammumi dengan tanah (debu) yang baik, diusap wajah dan kedua tangannya dengan penghalang dari kain atau yang lainnya.

Syaikh Abdullah bin Jibrin mengatakan:

وذلك لأجل المشقة، فيضرب أحدهم يديه بالتراب، ويمسح وجهه، ويمسح (وإذا تعذر غسل ميت يم) كفيه، ويقوم مقام الغسل، ويمتلون لذلك بالمحترق الذي إذا غسل تمزق لحمه، فلا يستطيعون أن يغسلوه،



وكذلك من كان في بدنه جروح كثيرة، وجلدته بشعة، بحيث إنه إذا صب عليه الماء تمزق جلده، وتمزق لحمه؛ فلا يغسل والحالة هذه

“[Jika ada udzur untuk dimandikan, maka mayit di-tayammumi], yaitu karena adanya masyaqqah. Maka salah seorang memukulkan kedua tangannya ke debu kemudian diusap ke wajah dan kedua telapak tangannya. Ini sudah menggantikan posisi mandi. Misalnya bagi orang yang mati terbakar dan jika dimandikan akan rusak dagingnya, maka tidak bisa dimandikan. Demikian juga orang yang penuh dengan luka dan kulitnya berantakan. Jika terkena dimandikan dengan air maka akan robek-robek kulitnya dan dagingnya. Maka yang seperti ini tidak dimandikan” (*Ad Durar Al Muhtakirat Syarah Akhsharil Mukhtasharat*, 1/435-436).

Disunnahkan untuk mandi bagi orang yang telah selesai memandikan mayit. Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda:

مَنْ عَسَلَ مَيِّتًا فَلْيَغْتَسِلْ وَمَنْ حَمَلَهُ فَلْيَتَوَضَّأْ

“Barangsiapa yang memandikan mayit, maka hendaklah dia mandi. Dan barangsiapa yang memikul jenazah, maka hendaklah dia wudhu“. (HR Abu Dawud no. 3161 dihasankan Al Albani dalam *Ahkamul Janaiz* no. 71).

## PENUTUP

Melihat kepada senario perbincangan di atas, maka sewajarnya bagi setiap muslim terutamanya masyarakat melayu untuk menjaga kesucian Sunnah Rasulullah dalam penyelenggaraan jenazah. Adalah penting untuk tidak mencampur-adukkan budaya-budaya dan adat-adat masyarakat melayu yang bertentangan dengan syariat Islam yang suci. Bukan lah maksud kertas kajian ini untuk melarang melakukan adat-adat melayu dalam menyempurnakan urusan jenazah tetapi fokus kajian ini adalah untuk menghindarkan kita dari berbuat adat yang menyalahi syariat dalam semata-mata. Adapun adat-adat melayu yang selari dengan landasan Syariat dan Sunnah Rasulullah boleh dilaksanakan. Biarpun perbincangan dalam kertas kerja ini menumpukan perhatian kepada masyarakat melayu sahaja, ini tidak bermakna bahawa perkara dan cabaran ini tidak berlaku kepada kaum lain yang beragama Islam juga contohnya di negara Europe, India dan hatta kaum arab itu sendiri. Oleh itu ianya adalah tanggungjawab kepada setiap Muslim terutama kepada para alim ulama untuk menjaga agar tidak berleluasa lagi perkara ini semata-mata untuk menjaga kesucian nilai Islam yang murni.

## RUJUKAN

A'ishah Hj Mohamed (1993) Nilai-nilai Adat dan urusan kematian dalam masyarakat Islam, Satu kajian di Jajahan Kota Bharu

- Al Bayumi, Muhammad Said Bin Ahmad Bin Mas'ud (1998), *Maqasid Al Syariah al Islamiyyah Wa Alaqatuha Bi Al Adillah al Syar'iyah*, Dar al Hijrah Li Al – Nasyr Wa al Tauzi
- An Nawawi (1992) , *Kitab Syarah Shohih Muslim lin Nawawi*, Dar Kutub Ilmiah, Beirut: Dar al-Nafais
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (1996), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia
- Muhammad Rawas Qal'ah Ji, *Mujam Lughah Al Fuqaha*, Beirut: Dar al-Nafais
- Mukadimah Ibn Khaldun, Terjemahan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993 Mahyuddin Ashaari, Pendidikan al-Quran menjana keupayaan berfikir. Jurnal pendidikan Islam. Jil. 9. Bil. 4. November 2001
- Mustafa Bugha, *al Wafi Fi Syarh Al-Arbain al Nawawiyyah*, Beirut, Dar al Kalim al Tayyyib
- Norhamisah Md Hassan (1994), Kepercayaan Masyarakat Melayu Mengenai Kematian : Satu kajian Khusus di Hulu Terengganu
- Rohada Said (1993), Perkara-perkara khurafat dan Bid'ah di sekitar upacara kematian masyarakat melayu, kajian di Kuala Terengganu
- Sharifah Fadzilon Hj Syed Ahmad Al- Attas (1987), Upacara Kematian di Dalam Masyarakat Melayu Negeri Sembilan: Satu Kajian Tentang Perkara-perkara yang bertentangan
- Siti Hasnah Mohd Amin (1997), Amalan – amalan Selepas Kematian di Kalangan Masyarakat Melayu Hulu Selangor